

# Ceburi industri telekomunikasi — PM

**K**UALA LUMPUR 17 Mei — Perdana Menteri hari ini menggesa syarikat-syarikat negara ini supaya mengambil bahagian dan melabur dalam industri telekomunikasi berasaskan konsep 'kampung sejagat' melalui rangkaian satelit bagi memastikan ia tidak dimonopoli oleh syarikat-syarikat gergasi dari negara maju sahaja. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kegagalan syarikat-syarikat tempatan merebut peluang itu bukan sahaja merugikan negara malah akan menyebabkan Malaysia dibanjiri dengan khidmat dan maklumat termasuk dalam bidang hiburan yang boleh merosakkan budaya kita.

"Justeru itu, kita harus melabur dan melibatkan diri dalam proses globalisasi ini dan menguasai teknologi serta pasaran antarabangsa bersama," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara (DTN), di sini, hari ini.

Beliau menegaskan, satu lagi kesan positif akibat globalisasi telekomunikasi ialah penglibatan negara ini dalam perdagangan antarabangsa untuk peralatan tersebut.

"Pada tahun 1991, nilai eksport sedunia untuk peralatan telekomunikasi mencapai paras AS\$64 bilion, di mana sebahagian besar pasaran dikuasai oleh negara-negara Eropah dan Jepun.

## Peralatan

"Pasaran peralatan komunikasi sedunia adalah lumayan tetapi malangnya cuma beberapa syarikat telekomunikasi sahaja berpandangan jauh untuk mencari pasaran baru di luar negara," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, pengeluaran-pengeluaran telekomunikasi serta pembekal urusan khidmat telekomunikasi tempatan hendaklah lebih agresif dalam mencari peluang pasaran dan perniagaan yang baru di seberang laut.

Dr. Mahathir menambah, untuk terus berjaya

dalam sektor telekomunikasi, pengusaha-pengusaha perlu mempunyai wawasan strategik dan perikatan dengan pihak-pihak lain dalam pasaran antarabangsa.

"Malaysia perlu berusaha untuk menjadi pusat telekomunikasi serantau dan antarabangsa di Asia Tenggara.

"Kita perlu meletakkan Malaysia sebagai pusat aktiviti telekomunikasi supaya dapat dikenali sebagai 'teleport' di rantau ini," kata Dr. Mahathir.

Beliau seterusnya berkata, untuk menjadi pusat kegiatan itu, Malaysia perlu mempunyai sistem telekomunikasi berpadu yang menyediakan pelbagai perkhidmatan melalui teknologi terkini pada harga yang munasabah.

"Kita berharap pelancaran Malaysia East Asia Satellite (MEASAT) pada tahun 1995 adalah langkah pertama untuk membolehkan negara kita menawarkan perkhidmatan telekomunikasi berasaskan satelit," katanya.

Menyentuh soal perubahan dasar dalam sektor komunikasi, Perdana Me-

nteri berkata, ia perlu ditangani dan dikawal selia secara sempurna untuk menentukan pembangunannya teratur, di samping memberi manfaat kepada pengguna.

Menurut beliau, pada masa ini rangka kawal selia telekomunikasi negara ini masih belum sempurna.

"Satu bidang kawal selia yang perlu dikaji ialah isu berhubung dengan proses perlesenan.

"Buat masa ini, lesen lesen adalah asas-teknologi lebih daripada asas-perkhidmatan dan dikeluarkan atas permintaan dan penyerahan cadangan oleh individu atau firma," katanya.

## Lesen

Di masa hadapan, kata Perdana Menteri, kelulusan terhadap pengeluaran lesen harus dilihat dari segi perkhidmatan daripada teknologi.

"Pengeluar lesen harus peka kepada inovasi terkini dan mengambil inisiatif untuk mengumumkan keperluan terkini dalam perkhidmatan telekomunikasi negara.

"Dan ini akan menarik perhatian penender terhadap keperluan terkini itu melalui permohonan lesen yang teratur," katanya.

Oleh itu, katanya, adalah perlu pengeluar lesen harus sentiasa di hadapan daripada sektor swasta dalam meneliti perkembangan teknologi telekomunikasi di seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata, selain itu pengeluar lesen juga harus mengambil tindakan segera dalam mengendalikan sumber spektrum gelombang radio.

"Spektrum frekuensi radio mempunyai potensi untuk menyumbang beribu juta ringgit dalam industri Malaysia.

"Bagaimanapun, ia tidak akan berguna jika tidak dikendalikan dengan sempurna," katanya.

Justeru itu, Dr. Mahathir menegaskan, kita harus berusaha sedaya upaya untuk lebih berkesan dalam pengurusan spektrum radio dan rangka kerja pengeluaran lesen.